

laju

ragu

yakin

selalu

gembira

cermat

seronok

puas

jelas

Petua Memilih Durian

Zara dan keluarganya ke pasar tani.

Zara dan keluarganya ingin membeli durian. Mereka teringin makan durian. Zara berjalan menuju ke gerai jualan durian. Dia amat mahir akan selok-belok tempatan itu kerana datang ke situ.

Puan Zurah tersenyum melihat gelagat anaknya itu. Mereka sangat apabila membeli durian.

“Zara, cuba goncangkan durian itu. Jika ada getaran, maknanya isinya telah masak,” jelas Encik Hasif.

Zara mencium-cium pangkal tangkai durian. Dia berasa Kemudian, dia memberikan buah itu kepada Encik Hasif.

“Buah ini harum baunya, Zara. Isinya pasti telah masak,” kata Encik Hasif dengan nya.

“Abang, lima pangsa pada buah ini sangat kelihatan. Saya ambil, ya,” ujar Puan Zurah.

Encik Hasif mengangguk tanda setuju dengan isterinya. Beliau memberikan semua durian yang telah dipilih kepada peniaga tersebut. Peniaga itu mengopek kulit durian dengan nya menggunakan parang. Zara hati melihat isi durian itu. Mereka sekeluarga amat kerana dapat menikmati raja buah itu.